

MAHATHIR - INTERNASIONALISME

(I) 1984

PETALING JAYA, 27 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU JEPUN SUPAYA MENEPATI IKRARNYA MENGENAI KEPERCAYAAN KEPADA SEMANGAT ANTARABANGSA DENGAN MEMBUKA MASYARAKAT, FIKIRAN DAN HATINYA KEPADA DUNIA KHUSUSNYA MALAYSIA.

PERDANAMENTERI BERKATA JEPUN BUKAN LAGI NEGARA MUNDUR TETAPI SEBALIKNYA SEBUAH NEGARA YANG AMAT KAYA YANG KEDUDUKANNYA TERLETAK DI TERAJU DUNIA BEBAS DAN OLEH YANG DEMIKIAN MEMPUNYAI BANYAK YANG BOLEH DIAJAR KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN.

DALAM UCAPANNYA DI KOLOKIUUM PERTAMA MALAYSIA-JEPUN DISINI, BELIAU MEMINTA RAKYAP JEPUN MENELITI SEJARAH MEREKA SAMA ADA MEREKA AKAN MENIKMATI KEADAAN SEKAHANG TANPA PERSAHABATAN DAN SIKAP MURAH HATI ORANG LAIN.

SAMBIL MENGGESA JEPUN SUPAYA MENGAMALKAN SEMANGAT KENEGARAWANAN YANG BEGITU DIPERLUKAN SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI PEMIMPIN, JEPUN BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI HAK MALAH TANGGUNGJAWAB TERHADAP KEBAIKAN MANUSIA.

BELIAU BERKATA: + KAMI KINI BERLABUH DI TELUK TOKYO. JIKA ANDA MENGUSIR KAMI, KAMI AKAN DATANG LAGI. +

+ BERSIAP SEDIA LAH UNTUK PEMSUKAAN KEDUA JEPUN, + TAMBAHNYA SEBAGAI MENGIMBAS KEMBALI PERISTIWA + KAPAL HITAM + 131 TAHUN LALU YANG MENGHASILKAN PERJANJIAN KANAGAWA APABILA JEPUN MEMBUKA PELABUHAN-PELABUHAN PERTAMA NYA DI HAKODATE DAN SHXMODA YANG DIGELAR PEMBUKAAN PERTAMA JEPUN. -- LAGS
1721MST 27 08 84

D068

RE294 DEB

MAHATHIR - INTERNASIONALISME 2 PETALING JAYA

DALAM PERISTIWA ITU, KOMODOR PERRY TIBA DI TELUK TOKYO DENGAN EMPAT BUAH KAPAL HITAM. BELIAU BEREDAR DARI SITU TETAPI DATANG SEMULA DALAM FEBRUARI 4854 DENGAN TUJUH KAPAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: + ANDA KINI BERHADAPAN DENGAN BUKAN EMPAT ATAU TUJUH KAPAL HITAM, TETAPI ENAM KAPAL HITAM PERTUBUHAN ASEAN. MASANYA SUDAH TIBA UNTUK PEMBUKAAN KEDUA JEPUN. +

SESUNGGUHNYA, KATANYA, KAPAL-KAPAL HITAM ASEAN ITU ADALAH KAPAL KEAMANAN TETAPI MEREKA MEMBAWA BANYAK DARIPADA BARANGAN YANG MENJADI SARAN HIDUP INDUSTRI JEPUN DAN OLEH DEMIKIAN MERUPAKAN SAS KEMAKMURAN JEPUN.

BELIAU MENECASKAN ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA DAN ANTARA JEPUN DENGAN ASEAN, HUBUNGAN DARI HATI KE HATI PERLU DIJALINKAN YANG HARUS MELEBIHI HIDUP BERSAMA SECARA POSITIF KEPADA ZAMAN BARU SALING BERGANTUNG.

+ BIARLAH SEMANGAT ANTARABANGSA MENJADI CARA HIDUP ANDA. BUKALAH MASYARAKAT ANDA, BUKALAH FIKIRAN DAN BUKALAH HATI. + -- LAGI

MAHATHIR - INTERNASIONALISME 3 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA HANYA DENGAN KEMAKMURAN PARA PEMBELINYA DAPAT KEMAKMURAN JEPUN SENDIRI TERJAMIN.

BELIAU BERKATA UNSUR-UNSUR YANG BERPOTENSI DAN YANG POSITIF SEDIA WUJUD UNTUK JEPUN MEMBINA HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA DAN ASEAN TETAPI BELIAU KURANG PASTI SAMA ADA IA AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN PELUANG ITU.

SESUNGGUHNYA, JEPUN MEMPUNYAI BANYAK PENGAJARAN YANG BOLEH DISAMPAIKAN KEPADA DUNIA TETAPI PERDANA MENTERI BERTANYA MENGAPA IA TIDAK MENJADI GURU KEPADA DUNIA.

SAMBIL MENYEBUT LAPORAN UNESCO TAHUN 1981, BELIAU BERKATA TERDAPAT 8,100 ORANG PELAJAR ASING DI JEPUN BERBANDING DENGAN 55,000 DI UNITED KINGDOM, 100,000 DI PERANCIS DAN LEBIH 300,000 DI AMERIKA SYARIKAT.

KINI CUNA 200 PELAJAR MALAYSIA DI JEPUN BERBANDING DENGAN 20,000 PELAJAR MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU MAHU MELIHAT JEPUN MAJU SEPENUHNYA MENJADI MASYARAKAT POS-PERINDUSTRIAN KEPADA EKONOMI YANG TIDAK MEMBAZIRKAN BAKAT DAN TENAGA RAKYATNYA DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN YANG KURANG CEKAP LAGI MEMBAZIR. -- BERNAMA